

BULETIN AAFIYAT



Cairan Emas
daripada
Pohon
Keberkatan

**CURAH CUKA JIKA
DISENGAT
OBOR- OBOR?**

**RAHSIA
DISEBALIK**

Hagia Sophia

OLIVE HOUSE

**Syarikat Bumiputera Pertama Kedah
menerima Pensijilan Organik Malaysia**



Penulis: Khanafi
Mohd Bin Abd Latif

Olive House

TERIMA PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MAKANAN ORGANIK MALAYSIA



OHR Marketing Sdn. Bhd. diatas jenama Olive House, sebuah syarikat SME Bumiputera telah menerima Pensijilan Makanan Organik daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Majlis telah diadakan pada 16 Julai 2020 (Khamis) di Ibu Pejabat OHR Marketing Sdn. Bhd. di Mergong, Kedah. Pensijilan Makanan Organik ini telah disampaikan oleh YBhg Dr. Hj. Mohd Fikri Bin Ujang, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah.

Olive House juga menempa sejarah menjadi syarikat bumiputera pertama di negeri Kedah yang mendapat Pensijilan Makanan Organik Malaysia selepas melalui pelbagai peringkat tapisan dan semakin sejak tahun 2019 lagi ketika permohonan dikemukakan.

Majlis yang penuh bersejarah dihadiri oleh penasihat, barisan C-suite, CAM (Country Area Manager) dan disaksikan secara langsung menerusi Facebook Live serta mendapat liputan meluas Berita RTM dan Akhbar Sinar Harian.



Produk yang mendapat pengiktirafan Organik adalah:

- Jus Delima
- Jus Delima Pekat
- Olive Plus Minyak Zaitun 'Extra Virgin'
- Minyak Zaitun 'Extra Virgin'
- Olive Butiran Campuran Ekstrak Buah Zaitun & Daun Zaitun

Skim Pensijilan Makanan Organik Malaysia adalah satu pengiktirafan diberikan kepada makanan organik tertentu yang telah memenuhi kriteria pensijilan makanan organik. Skim ini akan memastikan makanan organik yang dihasilkan adalah selamat dan integriti makanan organik dikekalkan di sepanjang rantai makanan organik.

APA YANG ANDA TAHU MENGENAI Makanan Organik

Makanan organik adalah makanan yang dikembangkan atau dihasilkan secara alami, tanpa ubat-ubatan, hormon pertumbuhan, antibiotik, pewarna atau sebarang bahan kimia. Ia dihasilkan secara alami iaitu kembali kepada cara yang dilakukan nenek moyang kita dulu.

Hasil tanaman dan produk yang disahkan organik juga tidak mengandungi racun perosak, perisa tiruan, pewarna dan pengawet. Oleh yang demikian, makanan organik berupaya membantu mengurangkan pendedahan kepada bahan kimia yang mengancam kesihatan.

Olive House tidak ketinggalan untuk turut memastikan rangkaian produk yang dipasarkan mendapat pengiktirafan tempatan walaupun rangkaian produknya telah mendapat pengiktirafan organik dari Amerika dan juga Kesatuan Eropah.

Dengan pengiktirafan terbaru ini, ia sekaligus meningkatkan lagi kepercayaan pengguna terhadap produk edaran Olive House yang sangat berkualiti. Ia juga sebagai lambang kesungguhan Olive House dalam memastikan rangkaian produk yang dipasarkan benar-benar menepati kriteria semulajadi dan organik untuk manfaat pengguna.



Keperluan Perundangan

Memenuhi keperluan perundangan di bawah Peraturan 18(7) dan Peraturan 18 (1A), Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Kelebihan Pensijilan Makanan Organik Malaysia

Mematuhi keperluan pelabelan organik di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Mengesahkan (verify) kilang makanan yang menghasilkan makanan organik telah melaksanakan kawalan pemprosesan makanan organik yang memenuhi kriteria pensijilan makanan organik.

Mempamerkan logo makanan organik, KKM pada label makanan organik yang telah mendapat pengiktirafan di bawah skim ini.

Meningkatkan keyakinan pengguna dan membantu pengguna

SUARA Aafiyat

“WOW!!! "Pengiktirafan ini semestinya memberi keyakinan yang mantap yang tidak berbelah bahagi lagi kepada semua... "Jom Bersama Kita Amalkan"”

Abdul Rahim Bin Othman



“Diberikan tepat pada masanya, dimana masyarakat lebih yakin dan tidak terpengaruh dengan isu semasa di media sosial.”

Zamri Che Ya



“Tidak perlu kita pertikaikan lagi kualiti dan keasliannya”

Saberi Bin Salleh



“Membuktikan ketelusan OH menyampaikan produk yang asli kepada masyarakat”

Mohamad Azam Bin Che Man



“Sijil organik ini satu pengiktirafan dan keyakinan padu secara saintifik kepada produk”

Rosni Bt Arifin



“Menambah lagi keyakinan kepada pengguna untuk terus beramal”

Zailima Mohd Zain



Salam BAITULLAH

Rancangan yang ditaja sepenuhnya oleh Olive House mengetengahkan info-info berkaitan mengerjakan ibadah haji yang ditayangkan secara live di RTM1 pada setiap hari bermula 18 Julai hingga 1 Ogos 2020. Rancangan ini memaparkan 16 episod dengan penampilan istimewa dari panel-panel terhormat antaranya Dato' Mohd Kazim Elias, YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Ustaz Mohammad Rozie bin Mohd Rejab dan lain-lain.



Kunjungan Hormat ke IKIM & YAYASAN JANTUNG MALAYSIA

Kunjungan hormat CEO Olive House, YBhg Aidil Azwal Zainudin bersama YABhg Tun Ahmad Sarji, disertai oleh Datuk Prof. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr JS Sambhi, Pengerusi Yayasan Jantung Malaysia dan juga Tuan Hj. Mahathir Shaharudin, Pengurus Besar Radio IKIM.FM. bertujuan untuk merangka perancangan kerjasama jangka masa panjang antara Olive House, IKIM dan Yayasan Jantung Malaysia.

KUNJUNGAN RASMI KE KPJ SELANGOR SPECIALIST HOSPITAL

Perbincangan santai antara YBhg Aidil Azwal Zainudin bersama Encik Mohd Johar Ismail, Timbalan Pengerusi Bahagian Sokongan Strategik, Perniagaan & Keusahawanan KPJ Healthcare pada 18 Jun 2020 di KPJ Healthcare yang turut dihadiri Puan Hafsa Mukhtar, Pengurus Besar KPJ Healthshoppe dan Cik Noraihan, Senior Eksekutif Pembelian Healthshoppe KPJ membincangkan beberapa perkara antaranya inisiatif Olive House untuk menaja pesakit-pesakit yang ingin mengamalkan pemakanan sihat dan direkodkan sebagai "evidence-based" dalam membuktikan bahawa dengan mengamalkan diet yang betul dan sihat mampu menjadikan kesihatan lebih baik.



OAT 'BIJIRIN EMAS'

Oat atau nama saintifiknya 'Avena Sativa' merupakan salah satu kumpulan Bijirin. Dalam kehidupan serba moden hari ini, variasi penyediaan Oat telah diolah oleh manusia untuk menjadikannya sebagai makanan dan minuman harian terutamanya buat individu yang mengutamakan Gaya Hidup Aafiyat.

Antara jenis penyediaan yang boleh dilakukan ialah 'Smoothies' (dengan tambahan Susu Segar, Buah-buahan Sejuk Beku seperti Pisang atau Kurma Ajwah, sedikit Serbuk Kayu Manis dan Kekacang seperti Gajus atau Badam), juga dibuat Bancuhan dengan Minuman Koko serta tambahan Biji Chia, penyediaan seperti Bubur dengan menambahkan Buah-buahan dan juga dibakar dengan memasukkannya ke dalam biskut atau kek.

Manfaat mengamalkan Oat:

- Tinggi kandungan Serat iaitu Beta- Glucan
- Mengandungi Serat yang membantu memperlancarkan penyerapan Glukosa di usus,
- Membantu mengurangkan paras kolesterol, gula dalam darah dan rangsangan Insulin pesakit Diabetes Tahap 2

Oat mengandungi nutrisi seperti Serat, Karbohidrat, Protein, Lemak, Kepelbagaian jenis Vitamin dan Mineral

1. <https://www.maskulin.com.my/wanita-kongsi-20-resepi-sahur-sihat-guna-rolled-oat-yang-pasti-lebih-kenyang-dari-nasi/>

2. <https://www.healthline.com/nutrition/9-benefits-oats-oatmeal>



Penulis: Nurshamimi Zulkefely

Cairan Emas DARIPADA POHON KEBERKATAN

Penulis: Nurshamimi Zulkefely



Pengambilan Makanan Harian perlulah mengandungi Tujuh (7) Kelas Makanan berdasarkan Bidang Pengajian Nutrisi iaitu Karbohidrat, Protein, Lemak, Vitamin, Mineral, Air dan Serat. Daripada kesemua jenis kelas makanan ini, Lemak ialah jenis Nutrisi yang sering dipandang remeh pengambilannya dan ada segelintir masyarakat juga melabelkan Lemak ini sebagai pembunuh dalam senyap. Hakikat sebenarnya ialah Nutrisi Lemak ini ada pecahannya yang memberikan impak positif kepada tahap kesihatan seseorang jika diambil berterusan. Ia disebut sebagai Lemak Sihat.

Antara contoh Lemak Sihat ialah Buah Zaitun atau nama botaninya 'Olea Europaea'. Minyak yang keluar daripada hasil perahan buahnya mengandungi Sebatian Polifenol (contohnya 'Hydroxytyrosol, Oleocanthal dan Oleuropein') yang berkeupayaan meneutralkan radikal bebas pada tubuh badan manusia.

Selain itu, Cairan Emas ini juga bukan hanya istimewa pada buahnya sahaja, malahan pada keseluruhan pohonnya termasuklah akar, daun dan rantingnya juga dibuat inovasi menghasilkan sejenis makanan yang disebut 'Caviar'. Antara Nutrisi lain yang terdapat pada akar, daun, ranting dan buah Zaitun ialah Asid Oleik, Asid Linoleik, Asid Linolenik, Asid Palmitik, Vitamin A, D, E dan K.

<http://www.naturalremedies.org/oleocanthal/>
<http://www.nutrex-hawaii.com/types-of-antioxidants>, <http://www.kesihatan.biz/Antioksidan.php>

Menurut sebuah buku berjudul 'Olive Oil Antioxidants: A Treasure for Your Health' karangan Dr. J. Ghanam & Profesor M. Benlemlih;

"Sebatian Polifenol Hydroxytyrosol mampu menembusi lapisan salur darah di otak serta mampu meresap ke dalam darah hanya selepas 5-10 minit dimakan dan menjalankan fungsinya.

Rekod prestasi Hydroxytyrosol ini lebih baik daripada 'Resveratrol' (dalam Anggur), Teh Hijau, Vitamin C, Vitamin E & 'supplement' jenis CoQ₁₀.

Hagia Sophia

Kembali menjadi masjid selepas 86 tahun



Penulis: Fakhrurazi
Bin Ibrahim

Sejarah Hagia Sophia dan Penaklukan Kostantinople

- Dibina sebagai sebuah katedral (gereja besar) di antara tahun 532 hingga 537 Masihi pada era empayar Rom Timur pada abad ke 6 Masihi atas arahan Maharaja Byzantine Justinian

- Pada tahun 1453 Masihi, Sultan Mehmed II iaitu Sultan Muhammad al-Fatih (Sultan Uthmaniah ke 7) telah menukar Gereja Ortodok Bizantium ini menjadi masjid. Pada tahun 1453M, Sultan Muhammad bin Sultan Murad iaitu Khalifah ke 7 Kerajaan Islam Uthmaniah, Sultan Muhammad digelar Sultan Muhammad "Al Fateh" yang bermaksud "pembuka" kerana telah berjaya membuka Kota Konstantinople dari tangan kerajaan Byzantine yang zalim, dan merealisasikan hadis sabdaan Nabi SAW setelah hampir 800 tahun lalu; :

"Suatu hari nanti Kostantinople (Istanbul Rom) akan ditakluk oleh sebaik-baik raja dan sebaik-baik tentera." (HR Ahmad)

Penukaran Gereja Menjadi Masjid

Sejurus selepas pembukaan Kota Konstantinople, Sultan

Muhammad Al-Fateh telah membeli bangunan Hagia Sophia dari paderi gereja menggunakan wang peribadi beliau, tanpa menggunakan wang Kerajaan Uthmaniah mahupun wang dari Baitul Mal (Pusat Zakat). Sultan Muhammad Al-Fateh mewakafkan bangunan tersebut sebagai masjid yang dipanggil Masjid 'Aya Sofia'. Kota Konstantinople juga mula dikenali sebagai 'Islambul' yang bermaksud 'Kotaraya Islam'.

Hagia Sofia Dijadikan Muzium

Era yang mendukacitakan, antara tahun 1922M hingga 1924M, berakhirnya Kerajaan Islam Uthmaniah dengan kemerosotan kuasa Sultan Mehmed VI dan Sultan Abdul Majid II yang mengakhiri era Khilafah Islamiah. Turki diisytiharkan sebagai negara republik. Presiden pertama republik Turki, Mustafa Kemal Ataturk dengan nekad membawa agenda Sekularisme bersama golongan Turki Muda. Beliau juga menukarkan nama 'Islambul' kepada 'Istanbul'. Pada tahun 1935M, Mustafa Kemal Ataturk telah mengisytiharkan status Masjid Aya Sofia ditukar menjadi muzium.

Hagia Sophia Kembali Menjadi Masjid

Setelah hampir 86 tahun Hagia Sophia berstatus muzium, pada tarikh 10 Julai 2020, mahkamah tertinggi Turki memutuskan, tindakan dengan menukarkan fungsi masjid yang telah diwakafkan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh kepada muzium adalah tidak sah. Pengisytiharan Hagia Sophia dari muzium menjadi masjid itu secara rasminya diumumkan sendiri oleh Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan. Dan pada tarikh 24 Julai 2020 hari Jumaat, solat jumaat kembali didirikan di masjid Aya Sofia dengan penuh bersejarah dan gilang gemilang dengan dihadiri ratusan ribu rakyat Turki!

Semoga peristiwa bersejarah ini dapat memberi inspirasi kepada kita dan dapat membangkitkan kembali semangat juang dan kecintaan terhadap agama Islam yang kita junjung ini. Marilah juga kita sama-sama berdoa dan bermunajat agar Allah menghadirkan sebesar-besar hikmah melalui peristiwa ini, dan dapat membuka hati dan minda golongan bukan Islam khususnya yang beragama Kristian agar melihat situasi ini dengan penuh kejernihan.



BULETIN AAFIYAT Wadah Komunikasi Rasmi Olive House

Alhamdulillah, Buletin Aafiyat ini merupakan inisiatif tahun 2020 sebagai wadah komunikasi Olive House bagi memaparkan informasi terkini merangkumi pelbagai aspek antaranya aktiviti rasmi, keusahawanan, berita semasa dan juga info produk.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada sidang redaksi buletin yang telah berjaya menerbitkan edisi pertama ini. Semoga buletin ini dapat meningkatkan semangat memartabatkan Rasulullah s.a.w sebagai tokoh nutrisi teragung di samping melebarkan semaksima mungkin informasi dan perkembangan positif melibatkan perniagaan Olive House

Ustaz Mohd Zahir bin Ghazali
Penasihat Buletin Aafiyat



CURAH CUKA JIKA DISENGAT **OBOR-OBOR**

MELAKA - Memandangkan masyarakat gemar bercuti dan mandi-manda di laut selepas kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diberikan oleh kerajaan, seorang doktor menasihati orang ramai supaya tidak menggosok tempat luka atau merendam tubuh ke dalam laut jika disengat obor-obor. Doktor Perubatan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka, Dr Tan Wendee berkata, menggosok tempat disengat obor-obor menggunakan pasir atau merendam tubuh dalam air laut bukan cara betul untuk mengurangkan kesakitan bahkan cara itu mungkin boleh memburukkan keadaan pesakit. Bercerita lanjut Dr Wendee berkata, misalnya terkena racun obor-obor seperti jenis 'Australian Spotted Jellyfish', orang awam hanya perlu menggunakan cuka dan curahkan di tempat yang sakit serta jangan sesekali menggosok tempat luka itu kerana bimbang ia merebak.

<https://www.sinarharian.com.my/article/92980/EDI/Sl/Melaka-NS/Curah-cuka-jika-disengat-obor-obor>



DISKAUN BIL ELEKTRIK PENGGUNA DOMESTIK **DILANJUTKAN HINGGA 31 DISEMBER**

Pemberian diskaun bil elektrik akan dilanjutkan hingga 31 Disember depan untuk semua pengguna domestik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, ketika mengumumkan perkara itu memaklumkan bahawa ia bakal memanfaatkan 7.66 juta pengguna domestik di seluruh negara yang menikmati diskaun bil elektrik antara dua hingga 50 peratus, mulai 1 Oktober depan.

Beliau berkata, inisiatif membantu meringankan beban rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19 itu adalah lanjutan kepada diskaun elektrik diumumkan Perdana Menteri, 27 Mac lalu, menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) hingga 31 Disember depan untuk semua pengguna domestik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/706675/diskaun-bil-elektrik-pengguna-domestik-dilanjutkan-hingga-31-disember>

OLIVIE

adafiyatTM
Lifestyle



Sesudu Nikmat Sebesar Manfaat

